



Kawasan perumahan yang tidak diselenggarakan dengan baik oleh pihak pengurusan.



Pokok tumbuh di dinding bangunan menyebabkan air masuk apabila hujan.

Yuran selenggara naik 50 peratus

520 penduduk dua pangsapuri tak puas hati dakwa berdepan pelbagai masalah

Oleh Faliq Lajim
faliq.lajim@nstp.com.my

Ampang: Penduduk dua pangsapuri di Taman Kosas, di sini, mengeluh apabila mendakwa terpaksa berhadapan pelbagai masalah, termasuk kenaikan yuran penyelenggaraan sebanyak 50 peratus setiap bulan.

Wakil penduduk, Jeff Cheong, berkata kenaikan yuran itu mem-

bebankan 520 penghuni yang tinggal di dua pangsapuri berkenaan.

Katanya, pihak pengurusan menaikkan yuran penyelenggaraan bermula 1 Ogos lalu, malah sekiranya lewat 15 hari, penduduk perlu membayar caj faedah sebanyak 10 peratus.

"Apa yang menyebabkan penduduk tidak berpuas hati apabila kami tidak boleh menggunakan kemudahan seperti kolam renang, gimnasium dan sauna sejak sekian lama.

"Sudah 10 tahun saya tinggal di sini, hanya sekali saja saya guna bilik sauna iaitu sembilan tahun lalu sebelum ia ditutup oleh pihak pengurusan.

"Malah, kami juga terpaksa berdepan dengan keadaan jalan yang berlubang di sekitar pangsapuri ini selain menghadapi masalah

air paip berkarat.

"Kami juga mempersoalkan 'sinking fund' (dana terikat) yang perlu dibayar sejak lebih 10 tahun lalu bagi mengecat bangunan di pangsapuri yang masih belum dilaksanakan," katanya.

Jeff berkata demikian ketika ditemui selepas satu pertemuan penduduk pangsapuri terbabit bersama wakil Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lembah Jaya, Haniza Mohamed Talha di Pusat Khidmat Rakyat Lembah Jaya, di sini, semalam.

Pertemuan itu turut disertai Badan Pengurusan Bersama (JMB) pangsapuri terbabit dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Antara masalah lain turut dibincangkan adalah isu kebersihan iaitu kehadiran tikus selain menuntut bil air dicaj melalui



Jeff menunjukkan pintu belakang pangsapuri yang ditutup pihak pengurusan.

Syarikat Bekalan Air Selangor dan bukannya kepada pihak JMB.

"Kami turut menuntut supaya pintu pagar belakang di pangsapuri terbabit dibuka semula bagi memudahkan penduduk di sini untuk pergi ke masjid dan sekolah," katanya.

Beliau berkata, disebabkan itu segelintir daripada penduduk bertindak enggan membayar yuran penyelenggaraan terbabit kerana

tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan.

Mengulas lanjut mengenai pertemuan tengah hari semalam, Jeff berkata tiada satu penyelesaian atau kata putus dicapai antara penduduk dan pihak JMB.

"Oleh itu, kami akan membawa perkara ini ke mesyuarat agung tahunan (AGM) yang akan dibuat bulan depan. Sekiranya perlu, kami akan memilih ahli jawatankuasa baharu," katanya.